

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERHIMPUNAN MERAYAKAN HARI PELADANG. DI BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 6HB OGOS, 1975**

Y.B. Encik Ghafar Baba, Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya kita dapat berhimpun petang ini untuk merayakan Hari Peladang.

Sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Lembaga Pertubuhan Peladang kerana sudi menjemput saya untuk melancarkan perayaan yang besar ertinya ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang ke Ibu Kota Kuala Lumpur kepada saudara-saudara sekalian yang datang dari jauh dan dekat untuk bersama-sama dalam majlis penyampaian hadiah-hadiah kepada koperasi-koperasi peladang progresif dan peladang jaya tahun ini.

Perayaan Hari Peladang pada tiap-tiap tahun yang disertai pula dengan berbagai aturcara seperti pertandingan, pamiran dan lain-lain akan berhasil memupuk semangat serta memperbaharui azam para peladang untuk berusaha dengan lebih giat lagi bagi menambahkan pendapatan demi kebahagiaan keluarga dan masyarakat serta kemakmuran negara.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sedia maklum, Lembaga Pertubuhan Peladang diwujudkan sebagai salah satu agensi untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani dan seterusnya mewujudkan sebuah masyarakat adil negara yang makmur dan bahagia.

Pada masa ini, masih lagi didapati kawasan-kawasan yang mundur di beberapa buah negeri di mana ramai keluarga peladang dalam keadaan daif dengan pendapatan yang rendah. Menurut statistik yang terakhir, seramai 535,000 keluarga peladang daripada jumlah 1,167,000 keluarga peladang di Semenanjung Malaysia memperolehi pendapatan kurang daripada \$140 sebulan. Inilah tugas berat yang dihadapi oleh LPP khasnya.

Pada masa ini Lembaga Pertubuhan Peladang sedang berusaha menyusun semula masyarakat tani melalui koperasi-koperasi peladang. Pada tahun 1973, 25.4% daripada peladang-peladang kita menjadi ahli dalam persatuan-persatuan peladang dan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Dalam tempoh dua tahun ini, angka ini telah meningkat kepada 37% ataupun seramai 257,445 orang.

Begitu juga LPP telah dapat menubuhkan 165 kawasan kemajuan peladang sekarang dan di tiap-tiap kawasan mempunyai sebuah pertubuhan/koperasi peladang. Angka ini telahpun melebihi matlamat untuk mewujudkan seratus limapuluh kawasan pada akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Saya berpuashati dengan usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh LPP untuk menyusun semula institusi-institusi luar bandar menerusi percantuman persatuan-persatuan peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama berasaskan pertanian ke dalam koperasi-koperasi peladang. Setakat ini percantuman penuh telah dilakukan dalam tiga belas kawasan kemajuan peladang dan penyelarasan yang baik di antara persatuan-persatuan peladang dengan syarikat-syarikat kerjasama berasaskan pertanian telah dicapai dalam tujuh puluh sembilan kawasan yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Kita berbangga negara kita telah banyak mencapai kemajuan dari segi sains dan teknologi dalam bidang pertanian. Benih-benih baru yang bermutu tinggi telah banyak dihasilkan. Sistem parit dan taliair telah berjaya memulihkan beribu-ribu ekar tanah yang boleh diusahakan bagi memesatkan lagi pengeluaran pertanian negara. Industrial scientist kita juga telah mencipta berbagai jentera untuk memodenkan sektor perladangan dan industri yang berasaskan pertanian.

Di samping itu Kerajaan telah juga menubuhkan Bank Pertanian dan Perbadanan Jaminan Kredit untuk memudahkan lagi para peladang kita mendapatkan pinjaman untuk benih, baja dan lain-lain. Dengan demikian, ramai para peladang telah menukar corak pertanian dengan menggunakan baja-baja dan bahan-bahan kimia serta kejenteraan ladang.

Selaras dengan kemajuan-kemajuan ini, kita mestilah cuba mengelakkan dari berlakunya keadaan seperti yang terdapat di setengah-setengah negara di mana pencapaian kemajuan sains dan teknologi dalam sektor pertanian tidak berhasil menambahkan pendapatan peladang-peladang oleh kerana masyarakat tani sendiri tidak tersusun dan gerakan koperasi sangat lemah, yang menyebabkan segala kemajuan hasil pertanian yang dicapai telah dinikmati oleh orang-orang tengah.

Kerajaan sedar bahawa untuk menampung kemajuan-kemajuan sains dan teknologi di sektor pertanian yang kita telah capai setakat ini, maka perlu disusun semula masyarakat tani kita berdasarkan konsep koperasi, supaya koperasi peladang sendiri akan benar-benar memainkan peranannya sebagai "receptacles of change" ataupun penerimaan yang berkesan dari perubahan yang sentiasa berlaku dalam sektor pertanian.

Saya berharap saudara-saudara sekalian akan terus memberi sokongan kepada konsep percantuman ini oleh kerana hanya menerusi koperasi peladang sahajalah maka usaha-usaha Kerajaan hendak membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani akan berhasil.

Untuk mencapai matlamat tersebut, "institutional changes" hendaklah diwujudkan dalam masyarakat luar bandar. Perubahan-perubahan hendaklah dibuat dalam pengeluaran pertanian dengan menggunakan benih-benih baru; peladang-peladang mestilah mendapatkan kredit dengan mudah; bekalan bahan-bahan keperluan ladang seperti baja, benih, racun serangga kenalah diberikan kepada peladang dengan harga yang berpatutan; koperasi peladang pula hendaklah mempunyai jentera dan pengangkutan sendiri dan usaha-usaha pemasaran terpaksa disusun semula dengan koperasi peladang sendiri menjalankannya.

Perubahan-perubahan ini tidak akan dapat dilakukan kecuali diwujudkan satu tenaga raksaksa secara tersusun di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, rangkaian seratus enam puluh lima buah koperasi/pertubuhan peladang di seluruh negara ini merupakan satu angkatan baru yang boleh menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh para peladang kita. Koperasi-koperasi peladang boleh memainkan peranan sebagai tenaga penggerak atau "agents for change" di kawasan luar bandar.

Saudara-saudara sekalian,

Usaha-usaha kita hendak membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani dan mewujudkan "institutional changes" seperti yang saya telah terangkan sebentar tadi, boleh dicapai menerusi dasar dan "approach" baru serta pelaksanaan yang sempurna. Di sini saya suka menyentuh sedikit empat perkara yang penting bagi kemajuan peladang-peladang amnya.

Pertama, strateji baru bagi memastikan lagi pengeluaran pertanian hendaklah disusun dari sekarang. Sebagaimana yang kita sedia maklum, masih banyak lagi tanah pertanian kita yang hasilnya agak rendah dan beribu-ribu ekar tanah milik belumpun diusahakan. Berhubung dengan ini, saya suka mengesyorkan agar koperasi-koperasi peladang menyediakan rancangan-rancangan bagi memulihkan sawah dan dusun buah-buahan serta mengusahakan seberapa banyak tanah-tanah milik yang terbiar dengan sepenuhnya. Selaras dengan langkah ini, saya harap ahli-ahli koperasi peladang terutama sekali mereka yang mempunyai tanah berjiran dan bersempadan akan membenarkan tanah-tanah mereka itu disatukan buat sementara waktu sebagai satu unit pengeluaran. Tanah-tanah yang bercantum ini boleh diusahakan oleh koperasi peladang sebagai ladang-ladang koperasi.

Kedua, suka saya mencadangkan dasar kredit pertanian kita diubahsuai supaya lebih ramai lagi peladang kita menerima bantuan kredit bukan saja daripada institusi-institusi kredit yang ditubuhkan oleh Kerajaan tetapi juga daripada institusi-institusi yang lain.

Pada masa ini, jumlah kredit yang disalurkan oleh institusi-institusi kredit Kerajaan dan institusi yang lain kepada peladang-peladang masih belum memuaskan. Kerajaan akan berusaha se-daya upaya untuk melanjutkan kredit pertanian kepada lebih ramai peladang-peladang, terutama di kawasan di mana peladang-peladang sendiri telah memasuki gerakan koperasi peladang. Bagi mencapai maksud ini, saya cadangkan supaya sebuah jawatan-kuasa tetap ditubuhkan di peringkat Kementerian untuk menyelaraskan penyaluran kredit kepada peladang-peladang kecil kita yang menjalankan projek-projek yang difikirkan kurang viable tetapi mempunyai potential dan diusahakan oleh koperasi-koperasi mereka menerusi group atau block farming.

Ketiganya, terdapat pada masa ini ramai anak-anak muda dari luar bandar yang berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan. Dengan demikian mungkin akan berkurangan tenaga yang diperlukan bagi menjayakan sektor pertanian kita. Keadaan ini dapat diatasi dengan menggunakan jentera-jentera tetapi mungkin pula ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Bagi mengatasi masalah ini, saya harap LPP akan dapat mengkaji untuk menubuhkan sebuah koperasi yang dimiliki oleh peladang-peladang khusus untuk pengedaran alat-alat kejenteraan kepada mereka yang memerlukan kemudahan ini.

Dan keempat, tidak lama dulu, saya telahpun mengarahkan LPP supaya menyusun langkah-langkah bagi membolehkan koperasi-koperasi peladang sendiri mengendalikan pemasaran hasil-hasil pertanian, terutama sekali cash crops seperti kacang tanah, buah-buahan dan sayur-sayuran. Saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri, menerusi pihak-pihak berkuasa tempatan masing-masing, bersedia membantu koperasi-koperasi peladang dengan menyediakan gerai-gerai dan kemudahan-kemudahan yang lain bagi memasarkan hasil-hasil pertanian. Saya juga berharap agar koperasi-koperasi yang besar di bandar-bandar yang mempunyai supermarket-supermarket serta juga supermarket-supermarket yang lain akan bersedia menolong menampung hasil pertanian keluarga ahli-ahli koperasi peladang kita untuk mendapat pasaran yang baik.

Pemasaran adalah merupakan masalah yang rumit. Oleh itu, beberapa price support measures perlulah disediakan bagi menghindarkan para peladang daripada mendapatkan pinjaman daripada orang tengah dan memajukan hasil mahsul mereka.

Saya suka mengulangi cadangan Timbalan Perdana Menteri<sup>1</sup> supaya diwujudkan "marketing incentive fund" yang mencukupi bagi melicinkan kegiatan-kegiatan pemasaran. Baru-baru ini, apabila krisis harga kacang tanah berlaku di negeri-negeri Kelantan dan Trengganu. LPP telah menggunakan modal pusingannya untuk membantu koperasi peladang di negeri-negeri itu bagi memasarkan sendiri kacang tanah. Tindakan ini telah berhasil menstabilkan semula harga kacang tanah di negeri-negeri tersebut.

**1 Dato' Hussein Onn.**

Saudara-saudara sekalian,

Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji laporan oleh F A O / World Bank Co-operative Programme mengenai masalah kemiskinan di luar bandar, serta peranan agensi-agensi berkenaan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi membasmi kemiskinan. Saya suka memberi jaminan di sini bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan akan terus memberi peruntukan yang sewajarnya kepada agensi-agensi Kerajaan yang ditubuhkan khas itu dalam usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tani kita.

Saudara-saudara sekalian,

Sebelum saya akhiri ucapan saya ini, sukalah saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyiasat dan mengkaji apa yang disebutkan "contract farming" kerana ini akan dapat mengatasi masalah pemasaran. Pada masa ini, kita masih mengimpot banyak bahan-bahan untuk dijadikan makanan binatang seperti sekoi, jagung dan sebagainya. Kalaulah dapat pengusaha-pengusaha tempatan memberi jaminan kepada petani-petani kita bahawa hasil-hasil tersebut akan dibeli mereka, maka sudah tentu kita akan dapat mengurangkan impot bahan-bahan tersebut.

Akhirnya, saya suka mengucapkan selamat maju jaya kepada para peladang sekalian dan berharap bahawa semangat ingin ke hadapan akan sentiasa berkembang menerusi pertandingan-pertandingan yang akan diadakan bukan sahaja di Ibu Kota Kuala Lumpur ini tetapi juga di Ibu Negeri mengikut giliran masing-masing. Saya berharap Kerajaan-kerajaan Negeri akan menerima cadangan ini dengan baik.

Dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya melancarkan perayaan Hari Peladang pada petang ini.



**Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang memerhati bahan-bahan pameran setelah merasmikan upacara Perayaan Hari Peladang di Bangunan Parlimen Kuala Lumpur pada 6hb Ogos, 1975**